

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 OGOS 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Utusan menang Anugerah Kecemerlangan Industri – Bio Media	Utusan Malaysia
2.	Malaysia perlu kuasai bioteknologi - Madius	Utusan Malaysia
3.	Syarikat berasaskan bio perlu tingkat usaha untuk kompetitif	BERNAMA
4.	Majlis Penghargaan Bio 2015	Utusan Malaysia
5.	Penyelidik universiti perlu tingkat komersialkan produk baharu	Utusan Malaysia
6.	Bauksit: Jabatan Kimia lengkapkan ujian analisis	Utusan Malaysia
7.	Inno Bio plans RM410m upgrade	Malay Mail
8.	Mosti to boost biotech commercialisation by 2020	Malay Mail
9.	Lapan Negara ASEAN sertai latihan keselamatan siber	BERNAMA
10.	Naib Canselor UMT dianugerahkan pangkat Kapten (kehormat) PSSTLDM	BERNAMA
11.	Boosting Johor biotech industry	New Straits Times
12.	J – Biotech optimis pelaburan RM500j	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) menyampaikan trofi dan sijil kepada Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor selepas *Utusan Melayu (Malaysia) Berhad* diumumkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio Kategori Media Cetak dalam Majlis Penghargaan Bio 2015 di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi. Turut kelihatan, Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) dan Mohd. Nazlee Kamal (kiri). - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Utusan menang Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio Media

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Utusan Melayu (M) Berhad memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio bagi kategori media cetak yang julung kali diadakan.

Kemenangan tersebut sekali gus memperkukuhkan lagi jenama *Utusan Malaysia* selaku akhbar arus perdana paling berpengaruh di negara ini.

Anugerah disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau sempena Majlis Malam Perhargaan Bio 2015.

Utusan Melayu diwakili Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor. Bagi Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio kategori media penyiaran pula diraih TV3.



arahan pula diraih TV3.

Dalam majlis yang sama, Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis (gambar) diangkat sebagai penerima Anugerah Posthumous bagi menghargai sumbangan besarnya dalam bidang teknologi di negara ini.

Allahyarham yang merupakan individu bertanggungjawab dalam menjayakan projek angkasawan negara diwakili oleh balunya, Puan Seri Dr. Kalsom Ismail.

Selain itu, Sentinext Therapeutics Sdn. Bhd. turut memenangi Anugerah Inovasi-Bio manakala pemilik syarikat Diversatech (M) Sdn. Bhd., Datuk



Dalam majlis yang sama, Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis diangkat sebagai penerima Anugerah Posthumous bagi menghargai sumbangan besarnya dalam bidang teknologi.

Syed Osman Syed Rashtan memenangi Anugerah Keusahawanan-Bio Terbaik.

Kategori lain yang dipertandingkan ialah Anugerah Pencapaian BioNexus 2015 yang menyaksikan sembilan pemenang.

